

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

20.6.1981.

# Musabāqah Quran Kebangsaan dirasmikan

**KUALA LUMPUR,**  
Jumaat — Musabqah  
Membaca al-Quran Per-  
ingkat Kebangsaan di  
Seremban dirasmikan  
oleh Yang di-Pertuan  
Besar Negeri Sembilan,  
Ahad ini.

Musabqah empat  
malam itu diadakan di  
Stadium Perbandaran  
Seremban. Ia pertama  
kali diadakan di luar ibu  
negara sejak tahun 1958.

Turut berangkat di  
majlis itu ialah Tengku  
Ampuan Negeri Sem-  
bilan, Tengku Puan  
Besar Khurslah, Datuk  
Undang Luak Sungai  
Ujung, Jelebu, Johol,  
Rembau dan isteri mas-  
ing-masing serta Tengku  
Besar Tampin dan isteri.

Hadir sama ialah Per-  
dana Menteri, Datuk  
Hussein Onn dan isteri  
Datin Suhalla, Timbalan  
Perdana Menteri, Datuk  
Seri Dr. Mahathir  
Mohammad dan isteri,  
Datin Seri Dr. Siti  
Haamah, Menteri Besar  
Negeri Sembilan, Datuk  
Rais Yatim dan isteri  
Datin Masnah Mohamat.